

24/07/2002

BN mantapkan muafakat antara kaum

Saodi Mat Atar

KELUARGA besar Barisan Nasional (BN) Johor berhimpun selama dua hari di selatan tanah air mulai hari ini selepas seminggu negara disajikan dengan gejala liar dalam kempen pilihan raya kecil di utara Semenanjung.

Konvensyen julung kali peringkat negeri itu tentunya sedikit-sebanyak membawa sama cerita dan pengajaran di Pendang dan Anak Bukit, yang turut disertai BN Johor dalam membantu calon parti mereka di sana.

Bukan keputusan di Pendang mahupun Anak Bukit yang menjadi perhitungan dan renungan BN Johor tetapi budaya berpolitik yang sudah tergelincir dari nilai-nilai kemanusiaan yang lebih menonjol dalam kedua-dua pilihan raya kecil itu.

Tentunya, parti komponen BN, terutama Umno yang menjadi darah daging rakyat Johor, tidak merelakan ia menular di selatan tanah air, apatah lagi mahu dijadikan satu budaya baru.

Sesungguhnya budaya tidak beradab lagi ganas yang berlaku di Kedah, tidak kira siapa puncanya, tidak pernah berada dalam kamus politik Johor. Rata-rata jentera parti dari Johor yang membantu pilihan raya di Pendang dan Anak Bukit pulang dengan penuh kekesalan, betapa nilai kemanusiaan dan maruah orang Melayu begitu mudah tercalar atas nama inginkan kuasa politik.

Dalam pada orang Melayu diajak untuk membangunkan peradaban dan mencipta tamadun sebagai contoh umat Islam di muka bumi, mereka cuba diheret dalam kancang yang bergelumang dengan kata-nista, tohmahan dan fitnah, cacian dan kejian serta kekasaran dan keganasan.

Apakah ini yang ingin kita tinggalkan sebagai warisan kepada anak cucu di bumi bertuah ini?

Maka, konvensyen di Johor Bahru sempena setengah abad usia BN itu yang diadakan selepas kisah jelek pembangkang terdedah di utara, menepati keperluan rakyat Johor untuk memperbaharui tekad menolak politik kotor.

Selama ini pun, usaha tidak putus-putus pembangkang tidak meninggalkan kesan, malah rakyat Johor semakin memantapkan sokongan kepada parti pemerintah.

Sejarah setiap pilihan raya umum lalu menjadi bukti yang cukup nyata apabila pembangkang hanya sekali sekala dapat mencelah satu dua kerusi, malah tersungkur dengan tangan kosong dalam dua percubaan terakhir mereka pada 1995 dan 1999. Pas yang tampak begitu ghairah seperti di Pendang dan Anak Bukit, tidak pernah meninggalkan kesan di Johor.

Bukan mahu mencabar pembangkang atau meniupkan angin provokasi tetapi adalah satu hakikat yang cukup jelas bahawa kematangan berpolitik di Johor terpapar menerusi sokongan padu rakyatnya serta keutuhan parti yang memayungi mereka.

Orang Melayu Johor bukan tidak pernah bergolak, malah pernah berpecah, namun cepat-cepat mereka merapatkan barisan menerusi penyelesaian pertikaian secara berhemah.

Perpecahan akibat pertandingan kepemimpinan Umno pada 1987 diredakan dan mereka kembali bersatu dalam tempoh singkat manakala krisis yang mencabar keutuhan parti menjelang pilihan raya umum 1999, tidak meninggalkan sebarang bekas di negeri itu.

Maka, apakah yang membezakan rakyat Johor dengan rakan-rakan mereka di negeri lain? Mengapa orang Melayu Johor tidak mudah untuk menyingsing lengan jika sekadar berhadapan dengan kemelut politik sesama bangsa dan saudara seagama? Lebih unik lagi, bagaimana Umno yang menjadi tulang

belakang BN, begitu sinonim dengan orang Melayu Johor?

Adalah tidak keterlaluan untuk mengandaikan bahawa fenomena ini mencerminkan bahawa rakyat Johor amat memahami fungsi mereka dalam kestabilan politik nasional. Kepentingan kenegerian, hatta kepentingan peribadi, diketepikan bagi memastikan kewajaran sikap dalam menentukan bahawa keutamaan perlu sejajar dengan keperluan masyarakat atau negara keseluruhannya.

Barangkali istilah `Kebijaksanaan Bersama' dapat menjelaskan sikap orang Melayu Johor dalam menentukan keperluan politik mereka demi kemajuan bangsa. Kebijakanaksanaan bersama ini membawa kepada keperluan semangat bersama yang bukan hanya menjurus kepada kepentingan rakyat Johor sendiri, malah untuk kebaikan keseluruhan rakyat Malaysia.

Maka, rakan-rakan BN Johor di seluruh negara melihat negeri itu sebagai kawasan selamat manakala parti pembangkang menanggapinya seperti benteng terkukuh parti pemerintah, yang amat sukar untuk ditembusi.

Apa pun, ia menjadi kawasan selamat bukan kerana secara kebetulan atau menjadi tembok terkuat bukan disebabkan ketentuan takdir. Ia tetap ditunjangi komitmen yang tinggi dan usaha yang tidak pernah kenal erti jemu barisan kepemimpinan bersama-sama ahli parti keseluruhannya.

`Kebijaksanaan Bersama' rakyat Johor itu tidak datang bergolek, tetapi dibajai, disuburkan sehingga menjadi pohon rendang dan berbuah lebat. Hasilnya adalah nikmat yang tidak terhingga dikecapi oleh Umno dan rakan-rakan parti komponen dan keseluruhan rakyat Johor sendiri.

Konvensyen yang bakal berlangsung ini adalah satu contohnya apabila BN Johor mengambil inisiatif untuk mengingatkan ahli-ahli parti komponen bahawa mereka bukan sahaja tidak boleh leka, malah perlu menggandakan usaha. Suasana yang tenang tidak semestinya dibiarkan tanpa pengawasan dan kegiatan pembangkang hendaklah sentiasa diperhatikan.

Sesungguhnya konvensyen yang bakal dihadiri oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu adalah satu platform untuk menyuburkan ikatan kerjasama antara parti komponen dan menjadi landasan melancarkan gerak kerja ke arah pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri dalam kata-kata aluan sempena konvensyen itu menghargai usaha BN Johor yang bertepatan dengan usaha mempereratkan kerjasama dan muafakat antara parti-parti komponen.

"Marilah kita bersama-sama menyuburkan lagi perpaduan yang erat ini untuk masa depan negara kita. Saya percaya dalam hal ini, Johor akan dapat terus memainkan peranannya sebagai benteng kekuatan BN dalam tempoh terdekat ini dan pada masa depan," katanya.

Bertemakan `Barisan Nasional Ke Arah Kecemerlangan Bangsa Malaysia', konvensyen ini mencerminkan kejituan semangat kerjasama yang bukan sahaja di kalangan kepimpinan parti tetapi turut menyerapkannya ke peringkat akar umbi.

Kerjasama ini akan memastikan gerak kerja dan kegiatan di peringkat bahagian dan cawangan dijalankan tidak secara berasingan tetapi secara meluas membabitkan pelbagai kaum.

BN Johor sudah pun menggariskan agenda kerjanya untuk dilaksanakan secara berterusan dengan membabitkan parti-parti komponen di peringkat bahagian dan akar umbi.

Kegiatan yang diutamakan itu pula bukanlah berbentuk kepartian semata-mata, sebaliknya lebih kepada aktiviti kemasyarakatan yang mampu menarik penyertaan ramai pelbagai kaum sama ada lelaki atau wanita, dewasa mahupun remaja.

Usaha ini sentiasa merapatkan parti dengan rakyat, subur di tengah-tengah kehidupan masyarakat untuk menjadi semakin segar dan mesra. Melalui cara itu kewujudan parti akan sentiasa dirasai dan sehati dengan jiwa serta pertimbangan politik masyarakat.

Maka, hampir di setiap ceruk rantau negeri, termasuk kampung dan desa, cawangan-cawangan parti komponen wujud dan berkembang dengan sokongan penduduk.

Setakat ini, keanggotaan Umno melampaui 410,000 ahli menerusi 1,900 cawangan manakala MCA dapat mengumpulkan hampir 200,000 ahli masyarakat Cina dalam 600 cawangan (sekadar memberi contoh).

Inilah kekuatan yang ada pada BN Johor dan keadaan itu menyulitkan parti-parti pembangkang untuk mengintai peluang membina tapak masing-masing di negeri itu. Bukan tidak ada percubaan bersungguh-sungguh pembangkang untuk memancing sokongan tetapi ia tidak merata.

Sudah puas pembangkang mencipta pelbagai gimik sejak dahulu sehingga dapat menangkap perhatian orang ramai, terutama di luar Johor, tetapi ia berkesudahan dengan mengecewakan mereka.

Hari demi hari, sokongan terhadap mereka semakin merosot sehingga semakin jarang kedengaran lagi suara-suara mahu menawarkan alternatif kepada rakyat. Sokongan terhadap pembangkang ini adalah bentuk kelompok-kelompok kecil di beberapa tempat, termasuk yang mempunyai pengaruh Pantai Timur seperti di daerah Mersing.

Sebaliknya, di pihak BN, penyertaan secara aktif pada peringkat akar umbi akan menjamin kepaduan perkongsian dalam masyarakat dan meningkatkan kesedaran politik.

Semakin tinggi kesedaran politik ini, semakin kuat pula sokongan terhadap parti pemerintah. Pendekatan ini akan memantapkan muafakat antara kaum menerusi payung yang disediakan BN dan membolehkan mereka bersedia menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa.